

Riot Hanya Tanding Jawatan Presiden Sebagai Usaha Terakhir Selamatkan SUPP Bernama 24 Feb 2014

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Datuk Seri Richard Riot Jaem, yang pernah menyuarakan kesediaannya untuk bertanding jawatan presiden, berkata beliau akan hanya berbuat demikian sebagai usaha terakhir untuk menyelamatkan SUPP daripada dibatalkan pendaftarannya.

Menurut Menteri Sumber Manusia ini, beliau menawarkan diri untuk menerajui SUPP berikutan perbalahan teruk antara pemimpin dua puak dalam parti berkenaan iaitu presiden parti Datuk Seri Peter Chin dan pengerusi SUPP Cawangan Sibu Datuk Seri Wong Soon Koh.

"Jika tidak ada juga penyelesaian terhadap perbalahan antara dua puak ini, dan jika diminta oleh majoriti anggota perwakilan supaya saya bertanding pada persidangan perwakilan tiga tahun sekali (TDC) akan datang Disember ini, saya bersedia untuk memenuhinya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Klinik Integrasi Upah Minimum Seluruh Negeri di sini Isnin.

Riot, yang juga pengerusi SUPP Cawangan Serian, berkata sekiranya Chin dan Wong tidak juga berdamai, maka beliau bersedia menggalas cabaran itu bagi menyelamatkan SUPP daripada dibatalkan pendaftarannya.

Dua pemimpin itu bertelagah sejak berlangsungnya TDC lepas di sini pada Disember 2011, yang menyaksikan Riot memberi sokongan kepada puak Chin dan akhirnya terpilih sebagai timbalan presiden SUPP.

"Dengan 23 tahun pengalaman dalam politik, saya sudah jadi ahli politik veteran dan patut diberi peluang (untuk menerajui parti itu)," katanya sambil menegaskan bahawa beliau akan berundur daripada jawatan presiden selepas satu penggal sekiranya gagal menunaikan tanggungjawabnya.

SUPP, parti politik tertua di Sarawak, menerima surat tunjuk sebab daripada Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 6 Jan tahun ini dan diberi tempoh 30 hari untuk menjelaskan kenapa pendaftarannya tidak boleh dibatalkan.

SUPP memberi penjelasan tentang perkara itu tetapi hingga kini, ia tidak menerima sebarang jawapan daripada ROS.

Riot berkata sekiranya beliau dipilih sebagai presiden parti, perkara utama yang akan dilakukannya ialah memberi peluang kepada sebanyak mungkin anak muda dan pemimpin berkebolehan memegang jawatan penting dalam parti itu serta menyatukan semua anggotanya.

Riot bagaimanapun berkata belum memaklumkan kesediaannya untuk bertanding jawatan presiden parti itu kepada Chin dan Wong.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016973>

